

AL-RIWAYAH BI AL-MA'NA:
KAJIAN TERHADAP ḤADĪTH-ḤADĪTH
ṬAHĀRAH DALAM KARYA
AL-SUNAN AL-ARBA'AH

MOHAMAD AZIZI BIN MD MUKHTAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

AL-RIWAYAH BI AL-MA'NA :
KAJIAN TERHADAP ḤADĪTH-ḤADĪTH
ṬAHĀRAH DALAM KARYA
AL-SUNAN AL-ARBA'AH

oleh

MOHAMAD AZIZI BIN MD MUKHTAR

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2024

PENGAKUAN

Saya akui karya ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 MAC 2024

MOHAMAD AZIZI BIN MD MUKHTAR
S-HD0022/14(R)

PENGHARGAAN

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستهديه ونستغفره ، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا ، من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل الله فلا هادي له. أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له وأشهد أن محمداً عبده ورسوله، أما بعد :

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, pengkaji dapat menyelesaikan kajian ini yang bertajuk Al-Riwayah bi al-Ma'na : Kajian Terhadap Hadith-Hadith Taharah Dalam Karya Al-Sunan Al-Arba'ah.

Setinggi penghargaan dikalungkan buat penyelia utama, YBrs. Prof. Madya Dr. Roshimah binti Shamsudin atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan panduan yang berterusan yang telah beliau berikan sepanjang proses penulisan ini. Dengan penuh ketekunan dan kesabaran beliau menyelia dan menjadi inspirasi dan sering memotivasikan pengkaji sepanjang tempoh penulisan tesis ini. Semoga Allah SWT mengurniakan kesihatan dan keberkatan agar beliau dapat terus berkhidmat terhadap sunnah. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah Bahagian Pengajian Islam, Dekan dan kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Dekan dan kakitangan Institut Pengajian Siswazah (IPS) serta semua yang membantu sepanjang tempoh pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM).

Sekalung penghargaan ditujukan kepada kedua ayahanda dan bonda, Hj. Md Mukhtar bin Hj. Awang dan Hj. Supiah binti Hj. Kasim atas sokongan, galakan dan motivasi yang telah diberikan untuk meneruskan pengajian ini hingga ke puncak jaya. Setinggi-tinggi penghargaan juga buat isteri tercinta, Siti Aminah binti Rofie

yang banyak berkorban serta keenam-enam orang permata hati Muaz, Iyaz, Syaima', Ajwad, Akhyar dan Najla' yang menjadi sumber inspirasi dan kekuatan dalam mengharungi segala ujian dan dugaan sepanjang tempoh pengajian ini. Juga ucapan terima kasih juga ditujukan buat tujuh orang adik yang sering membantu.

Seterusnya, ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia atas peluang yang diberikan melalui kemudahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi pengajian ini. Juga kepada Pengarah IPG Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan Sarawak yang sentiasa memberi sokongan kepada pengkaji melanjutkan pengajian. Tidak dilupakan juga kepada Pengarah dan Timbalan Pengarah IPG Kampus Darulaman yang selalu memberikan dorongan, juga Ketua Jabatan Bahasa Arab dan Ketua Jabatan Pendidikan Islam dan Moral yang sentiasa memberikan kerjasama termasuk rakan sejawatan di Jabatan Kecemerlangan Akademik yang turut memberikan inspirasi dan sokongan sepanjang tempoh pengajian ini.

Untuk akhirnya, tidak dilupakan juga buat rakan-rakan sejawat yang sentiasa memahami dan sahabat-sahabat seperjuangan yang banyak memberi dorongan dan doa serta semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung ataupun tidak sehinggalah kajian ini dapat diselesaikan. Semoga Allah SWT memberikan ganjaran yang sewajarnya atas sumbangan yang telah diberikan.

Pulau Pinang, Mac 2024

Mohamad Azizi bin Md Mukhtar
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Soalan Kajian	14
1.5 Kajian Terdahulu	14
1.6 Skop Kajian	20
1.7 Kepentingan Kajian	21
1.8 Metodologi Kajian	22
BAB 2 KONSEP PERIWAYATAN HADITH DAN AL-RIWAYAH BI AL-MA'NA	30
2.1 Pengenalan	30
2.2 Definisi Perawayatan Hadith	31
2.2.1 Definisi Perawayatan	31
2.2.1(a) Definisi Perawayatan Dari Segi Bahasa	32
2.2.1(b) Definisi Perawayatan Dari Segi Istilah Muhaddithin	32
2.2.2 Definisi Hadith	32
2.2.2(a) Definisi Hadith Dari Segi Bahasa	32

	2.2.2(b) Definisi Hadith Dari Segi Istilah Muhaddithin.....	33
2.3	Sejarah Periwaiatan Hadith	34
2.3.1	Periwayatan Hadith Pada Zaman Rasulullah SAW	34
2.3.2	Situasi Periwaiatan Hadith Pada Zaman Rasulullah SAW	40
2.3.3	Periwayatan Hadith Selepas Kewafatan Rasulullah SAW	45
2.3.4	Periwayatan Hadith Pada Zaman Tabiin dan Tabi' Tabiin.....	51
2.3.5	Pengumpulan dan Penyusunan serta Penulisan Hadith	53
2.4	Bentuk-bentuk Periwaiatan Hadith	55
2.4.1	Al-Riwayah bi al-Lafz	56
2.4.2	Al-Riwayah bi al-Ma'na	59
2.5	Bentuk-bentuk Al-Riwayah bi al-Ma'na.....	61
2.5.1	Pertama; Periwaiatan yang menggantikan lafaz asal dengan lafaz baharu yang sama maknanya dengan maksud asal	61
2.5.2	Kedua; Periwaiatan yang meringkaskan hadith yang panjang tetapi masih mengekalkan makna yang sama	63
2.5.3	Ketiga; Periwaiatan yang menjelaskan lafaz hadith yang asal yang memiliki unsur pertambahan lafaz baharu, tetapi tidak mengubah makna asal lafaz tersebut.....	64
2.5.4	Keempat; Periwaiatan yang mengubah sebahagian kedudukan lafaz asal sama ada didahulukan atau dikemudiankan.....	65
2.5.5	Kelima; Periwaiatan yang dilakukan oleh seseorang perawi yang menggantikan keseluruhan ungkapan atau kata-kata perawi yang asal dengan ungkapannya yang baharu	66
2.6	Al-Riwayah bi al-Ma'na dengan hadith lain yang hampir sama bentuknya	69
2.6.1	Al-Riwayah bi al-Ma'na dengan Ta'addud al-Riwayah.....	69
2.6.2	Al-Riwayah bi al-Ma'na dengan Ikhtisar al-Hadith	72
2.6.3	Al-Riwayah bi al-Ma'na dengan Ziyadah al-Thiqah.....	75
2.6.4	Al-Riwayah bi al-Ma'na dengan al-Mudraj.....	78
2.7	Hukum al-Riwayah bi al-Ma'na.....	90

BAB 3	LATAR BELAKANG AL-SUNAN AL-ARBA‘AH DAN PENGARANGNYA SERTA METODOLOGI PENULISAN HADITH KITAB AL-TAHARAH.....	100
3.1	Pengenalan	100
3.2	Latar Belakang Kitab al-Sunan al-Arba‘ah.....	100
3.3	Kedudukan dan Tertib Kitab al-Sunan al-Arba‘ah.....	102
3.4	Latar belakang Sunan Abi Dawud	107
3.4.1	Kitab Sunan Abi Dawud	107
3.4.2	Abu Dawud Sulayman bin al-Asy‘ath al-Sajistani	112
3.4.3	Sinopsis dan Kandungan Hadith-hadith Kitab al-Taharah	118
3.4.4	Metodologi al-Riwayah bi al-Ma‘na Dalam Kitab al-Taharah	123
3.5	Latar belakang Jami‘ al-Tirmidhi.....	127
3.5.1	Kitab Jami‘ al-Tirmidhi	127
3.5.2	Muhammad bin ‘Isa bin Sawrah al-Tirmidhi.....	132
3.5.3	Sinopsis dan Kandungan Hadith-hadith Kitab al-Taharah ‘An Rasulillah SAW	138
3.5.4	Metodologi al-Riwayah bi al-Ma‘na Dalam Kitab al-Taharah ‘An Rasulillah SAW	142
3.6	Latar belakang Sunan al-Nasa‘i	148
3.6.1	Kitab Sunan al-Nasa‘i.....	148
3.6.2	Ahmad bin Syu‘ayb al-Nasa‘i.....	153
3.6.3	Sinopsis dan Kandungan Hadith-hadith Kitab al-Taharah	163
3.6.4	Metodologi al-Riwayah bi al-Ma‘na Dalam Kitab al-Taharah	170
3.7	Latar belakang Sunan Ibn Majah	176
3.7.1	Kitab Sunan Ibn Majah.....	176
3.7.2	Muhammad bin Yazid Ibn Majah al-Qazwini	180
3.7.3	Sinopsis dan Kandungan Hadith-hadith Kitab al-Taharah wa Sunaniha	188
3.7.4	Metodologi al-Riwayah bi al-Ma‘na Dalam Kitab al-Taharah wa Sunaniha.....	193

BAB 4	ANALISIS HADITH-HADITH KITAB AL-TAHARAH MENURUT PERSPEKTIF AL-RIWAYAH BI AL-MA'NA.....	201
4.1	Pengenalan	201
4.2	Hadith Pertama: Bacaan Ketika Masuk ke Tandas	203
4.2.1	Hadith no. 1.....	204
4.2.2	Hadith no. 2.....	204
4.2.3	Hadith no. 3.....	205
4.2.4	Hadith no. 4.....	205
4.2.5	Hadith no. 5.....	206
4.2.6	Hadith no. 6.....	207
4.2.7	Hadith no. 7.....	208
4.2.8	Analisis dan Perbincangan.....	208
4.2.9	Rumusan	212
4.3	Hadith Kedua: Tegahan Menghadap Kiblat Ketika Menunaikan Hajat.....	213
4.3.1	Hadith no. 1.....	214
4.3.2	Hadith no. 2.....	214
4.3.3	Hadith no. 3.....	215
4.3.4	Hadith no. 4.....	215
4.3.5	Hadith no. 5.....	216
4.3.6	Hadith no. 6.....	217
4.3.7	Hadith no. 7.....	217
4.3.8	Hadith no. 8.....	218
4.3.9	Hadith no. 9.....	219
4.3.10	Hadith no. 10.....	219
4.3.11	Analisis dan Perbincangan.....	220
4.3.12	Rumusan	232
4.4	Hadith Ketiga: Mengelak Daripada Percikan Air Kencing.....	233

4.4.1	Hadith no. 1.....	233
4.4.2	Hadith no. 2.....	234
4.4.3	Hadith no. 3.....	235
4.4.4	Hadith no. 4.....	236
4.4.5	Hadith no. 5.....	236
4.4.6	Analisis dan Perbincangan.....	237
4.4.7	Rumusan	243
4.5	Hadith Keempat: Membuang Air Kecil Dalam Air Yang Bertakung.....	243
4.5.1	Hadith no. 1.....	244
4.5.2	Hadith no. 2.....	244
4.5.3	Hadith no. 3.....	245
4.5.4	Hadith no. 4.....	245
4.5.5	Hadith no. 5.....	246
4.5.6	Hadith no. 6.....	247
4.5.7	Hadith no. 7.....	248
4.5.8	Hadith no. 8.....	248
4.5.9	Analisis dan Perbincangan.....	248
4.5.10	Rumusan	254
4.6	Hadith Kelima: Membasuh Tangan Terlebih Dahulu Sebelum Memasukkannya ke Dalam Bekas Air Untuk Berwuduk	255
4.6.1	Hadith no. 1.....	255
4.6.2	Hadith no. 2.....	256
4.6.3	Hadith no. 3.....	256
4.6.4	Hadith no. 4.....	257
4.6.5	Hadith no. 5.....	258
4.6.6	Hadith no. 6.....	259
4.6.7	Hadith no. 7.....	259
4.6.8	Analisis dan Perbincangan.....	260

4.6.9	Rumusan	267
4.7	Hadith Keenam: Perbezaan Antara Haid dan Istihadah.....	267
4.7.1	Hadith no. 1.....	268
4.7.2	Hadith no. 2.....	269
4.7.3	Hadith no. 3.....	270
4.7.4	Hadith no. 4.....	271
4.7.5	Hadith no. 5.....	271
4.7.6	Hadith no. 6.....	272
4.7.7	Hadith no. 7.....	273
4.7.8	Hadith no. 8.....	273
4.7.9	Hadith no. 9.....	274
4.7.10	Analisis dan Perbincangan.....	275
4.7.11	Rumusan	283
4.8	Hadith Ketujuh: Tanah Yang Terkena Air Kencing	284
4.8.1	Hadith no. 1.....	284
4.8.2	Hadith no. 2.....	285
4.8.3	Hadith no. 3.....	286
4.8.4	Hadith no. 4.....	286
4.8.5	Hadith no. 5.....	287
4.8.6	Hadith no. 6.....	287
4.8.7	Hadith no. 7.....	288
4.8.8	Hadith no. 8.....	288
4.8.9	Hadith no. 9.....	289
4.8.10	Analisis dan Perbincangan.....	289
4.8.11	Rumusan	302
BAB 5	PENUTUP.....	303
5.1	Pengenalan	303

5.2	Dapatan Kajian.....	303
5.2.1	Konsep Periwaiatan Hadith dan al-Riwayah bi al-Ma‘na.....	303
5.2.2	Latar Belakang al-Sunan al-Arba‘ah dan Metodologi Penulisan Hadith al-Riwayah bi al-Ma‘na dalam Kitab Taharah	306
5.2.3	Analisis Hadith-hadith al-Riwayah bi al-Ma‘na Dalam Kitab al-Taharah Karya al-Sunan al-Arba‘ah.....	312
5.3	Saranan dan Cadangan	319
BIBLIOGRAFI.....		322

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Bab Hadith Dalam Kitab al-Taharah Sunan Abi Dawud..... 119
Jadual 3.2	Bab Hadith Dalam Kitab al-Taharah ‘An Rasulillah SAW Jami‘ al-Tirmidhi..... 139
Jadual 3.3	Bab Hadith Dalam Kitab al-Taharah Sunan al-Nasa’i..... 163
Jadual 3.4	Bab Hadith Dalam Kitab al-Taharah wa Sunaniha Sunan Ibn Majah 188
Jadual 3.5	Status Hadith Dalam Kitab al-Taharah Karya al-Sunan al-Arba‘ah 199

SENARAI SINGKATAN

Cet.	Cetakan
Dr.	Doktor
H.	Hijriyyah
hlm.	Halaman
HLP	Hadiah Latihan Persekutuan
http	hypertext transfer protocol
ibid.	ibidien (rujukan yang sama dan berturut)
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPS	Institut Pengajian Siswazah
jld.	Jilid
juz.	Juzuk
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
m.	Meninggal dunia
No.	Nombor
Prof.	Profesor
r.a.	RadiyalLahu ‘anhu / RadiyalLahu ‘anha
SAW	SallalLah ‘Alayh wa Sallam
t.p	Tanpa penerbit
t.t	Tanpa tahun
t.t.p	Tanpa tempat percetakan
USM	Universiti Sains Malaysia
www	world wide web

PANDUAN TRANSLITERASI

Sistem transliterasi berikut digunakan dalam tesis ini untuk mengeja perkataan-perkataan Arab dalam ejaan rumi¹ :

i. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sy	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	هـ	h
د	d	ع	‘	ء	’
ذ	dh	غ	gh	ي	d
ر	r	ف	f	ة	h

ii. Vokal

Pendek			Panjang			Diftong	
ا / ي	-	a	آ	-	ā	اي	ay
ي	-	i	إي	-	ī	او	aw
و	-	u	او	-	ū	و	uw
						ي	iy / i

¹ Lihat Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, 1992, *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Lihat juga *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 30 – 31.

**AL-RIWAYAH BI AL-MA'NA : KAJIAN TERHADAP HADITH-HADITH
TAHARAH DALAM KARYA AL-SUNAN AL-ARBA'AH**

ABSTRAK

Periwayatan hadith telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW dan diteruskan selepas kewafatan baginda hinggalah hadith dikumpul, disusun dan dibukukan pada kurun ketiga hijrah. Hadith telah diriwayatkan secara al-Riwayah bi al-Ma'na di samping al-Riwayah bi al-Lafz dalam tempoh tersebut. Garis masa yang panjang dalam proses periwayatannya telah membuka ruang kepada andaian berlaku perubahan terhadap maksud sebenar hadith apabila melalui proses al-riwayah bi al-ma'na. Kajian ini bermatlamat mengkaji tiga aspek utama iaitu konsep periwayatan hadith dan al-riwayah bi al-ma'na, al-Sunan al-Arba'ah dan metodologi penulisan hadith kitab al-Taharah dan menganalisis hadith-hadith taharah menurut perspektif al-riwayah bi al-ma'na. Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen yang menggunakan kaedah kajian kepustakaan bagi mengumpulkan data dan menganalisis data menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Sebanyak 55 hadith merangkumi tujuh topik taharah yang diriwayatkan oleh keempat-empat imam telah dianalisis. Dapatan kajian menemui bahawa al-riwayah bi al-ma'na merupakan proses yang berlaku apabila seseorang yang mendengar hadith, kemudian menyampaikannya semula menggunakan lafaz baharu tetapi masih sama maksudnya. Terdapat lima bentuk al-riwayah bi al-ma'na dan hukumnya dibenarkan oleh jumhur ulama dengan syarat-syarat yang ketat. Kajian juga mendapati Kitab al-Taharah dalam Sunan Abi Dawud mengandungi 390 hadith, dalam Jami' al-Tirmidhi mengandungi 148 hadith, dalam Sunan al-Nasa'i

mengandungi 324 hadith dan dalam Sunan Ibn Majah mengandungi 400 hadith. Kajian juga mendapati Kitab Taharah Sunan al-Nasa'i mempunyai paling banyak hadith sahih dan Kitab Taharah Sunan Ibn Majah pula mempunyai paling banyak hadith daif. Hasil kajian mendapati keempat-empat orang imam mempunyai manhaj tersendiri dalam penulisan hadith dan secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan al-riwayah bi al-ma'na iaitu Ikhtisar al-Hadith. Analisis terhadap 55 hadith membuktikan semua hadith tersebut telah melalui proses al-riwayah bi al-ma'na. Enam hadith yang dianalisis mempunyai perbezaan pada sebahagian matannya namun tidak mengubah makna asalnya. Hanya satu hadith yang dianalisis terdapat perbezaan pada sebahagian matannya disebabkan al-riwayah bi al-ma'na yang memberi implikasi hukum yang berbeza. Kajian juga mendapati kelima-lima bentuk al-riwayah bi al-ma'na boleh berlaku dan terhimpun dalam satu hadith yang sama.

NARRATION NON VERBATIM: A STUDY ON HADITHS OF PURIFICATION IN AL-SUNAN AL-ARBA‘AH

ABSTRACT

Narration of hadith has started since the time of the Prophet SAW and continued after his death until hadith was collected, compiled and recorded in the third century of hijrah. Hadith was narrated as al-Riwayah bi al-Ma‘na or narration non verbatim alongside al-Riwayah bi al-Lafz or narration verbatim during that period. The long timeline in the process of narration has opened up space for the assumption that there is a change in the true meaning of hadith when going through the process of al-riwayah bi al-ma‘na. This study aims to examine three main aspects, the concept of hadith narration and al-riwayah bi al-ma‘na, al-Sunan al-Arba‘ah and the methodology of writing hadith in the Book of Purification and analyzing hadiths of purification according to the perspective of al-riwayah bi al-ma‘na. This study is a qualitative research with a document analysis design that uses library research methods to collect data and analyze data using inductive, deductive and comparative methods. A total of 55 hadiths covering seven topics of purification narrated by all four imams have been analysed. The findings of the study found that al-riwayah bi al-ma‘na is a process that occurs when someone who hears hadith, then conveys it again using a new pronunciation but still has the same meaning. There are five pattern of al-riwayah bi al-ma‘na and the law is allowed by the majority of scholars with strict conditions. The study also found The Book of Purification in Sunan Abi Dawud contains 390 hadith, in Jami‘ al-Tirmidhi contains 148 hadith, in Sunan al-Nasa’i contains 324 hadith and in Sunan Ibn Majah contains 400 hadith. The study also found that the Book of Purification of Sunan al-Nasa’i has the most

authentic hadith and the Book of Purification of Sunan Ibn Majah has the most weak hadith. The results of the study found that the four imams have their own methodology in writing hadith and are indirectly related to al-riwayah bi al-ma'na which is ikhtisar al-hadith. The analysis of 55 hadith proves that all those hadith have gone through the process of al-riwayah bi al-ma'na. The six hadith analyzed have differences in some of their points but do not change their original meaning. Only one hadith was analyzed, there was a difference in some of its points due to al-riwayah bi al-ma'na which gave different legal implications. The study also found that all five pattern of al-riwayah bi al-ma'na can occur and be gathered in the same hadith.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Periwayatan ḥadīth telah bermula dalam kalangan Sahabat ketika mereka bersama Rasulullah SAW seiring dengan periwayatan al-Quran. Para Sahabat yang mengikuti pengajian ilmu bersama dengan Rasulullah SAW mendengar apa yang baginda sampaikan, menyaksikan apa yang baginda lakukan sama ada berkaitan hukum hakam, perintah dan larangan serta semua yang bersumberkan baginda Nabi SAW dengan tekun bertujuan mengikut jejak langkah baginda dalam segenap perkara dan beramal dengannya.

Oleh itu proses periwayatan ḥadīth berlaku secara lafaz *al-riwāyah bi al-lafz* atau makna *al-riwāyah bi al-ma‘nā* telah dipelopori oleh para Sahabat dan tābi‘īn dan kesinambungannya diteruskan oleh generasi salaf sehinggalah ḥadīth dikumpul dan dibukukan. Walaupun kalangan generasi salaf yang terlibat meriwayatkan ḥadīth sangat menitikberatkan setiap lafaz yang diungkapkan oleh Rasulullah SAW, namun perbezaan dalam penggunaan lafaz tersebut setelah dibandingkan dengan kepelbagaian riwayat membuktikan ḥadīth juga melalui proses *al-riwāyah bi al-ma‘nā*. Sekiranya diteliti jalur periwayatan, didapati kebanyakan Sahabat dan generasi salaf menggunakan pelbagai lafaz untuk memperihalkan sesuatu ḥadīth atau peristiwa yang menunjukkan bahawa mereka meriwayatkannya secara makna.¹

¹ Ṣalāḥ al-Dīn bin Aḥmad al-Idlibiy (2013), *Manhaj Naqd al-Matn ‘ind ‘Ulamā’ al-Ḥadīth al-Nabawiy*, Cet. 1, al-Qāhirah : Muassasah Iqra’ al-Khayriyyah, hlm. 89.

Sebilangan generasi *tābi‘īn* berpendapat bahawa *ḥadīth* hanya boleh diriwayatkan dengan lafaznya sahaja tanpa membenarkan *al-riwāyah bi al-ma‘nā*. Mereka yang berpegang kepada prinsip tersebut antaranya Muḥammad bin Sīrīn, al-Qāsim bin Muḥammad bin Abī Bakr, Rajā’ bin Ḥaywah, Mālik bin Anas dan ‘Alī al-Madīnī.² Mereka bersepakat menyatakan perawi yang tidak mengetahui tentang maksud sesuatu lafaz *ḥadīth* dengan mendalam sama sekali tidak dibenarkan meriwayatkannya secara *al-riwāyah bi al-ma‘nā*.³ Ini bermaksud bahawa walaupun mereka berpandangan *ḥadīth* hanya boleh diriwayatkan secara lafaz, tetapi masih membenarkan periwayatan *ḥadīth* secara *al-riwāyah bi al-ma‘nā* bagi perawi yang mengetahui maksud sesuatu *ḥadīth* secara mendalam.

Manakala *jumhur salaf* dan *khalaf* yang turut terdiri daripada imam empat mazhab berpandangan bahawa *al-riwāyah bi al-ma‘nā* adalah dibenarkan kepada perawi yang benar-benar arif terhadap kehendak sesuatu lafaz *ḥadīth* sepertimana yang diamalkan dalam kalangan Sahabat dan generasi salaf bersandarkan kepada sesuatu *ḥadīth* atau kisah sama tetapi dikongsi dengan pelbagai lafaz yang berbeza yang membawa makna yang sama.⁴ Pendapat ini telah disokong oleh sebahagian Sahabat seperti Wāthilah bin al-Asqa‘, Abū al-Dardā’, Anas bin Mālik, Ḥudhayfah dan generasi *tābi‘īn* seperti al-Ḥasan al-Baṣrī, al-Sya‘bī dan Ibrāhīm al-Nakha‘ī.⁵

² Muḥammad al-Ṣabbākh (1981), *al-Ḥadīth al-Nabawīy Muṣṭalahuhu Balāghatuhu Kutubuhu*, Cct. 4, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, hlm. 173-175.

³ Al-Ṣuyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (1431 H), *Tadrīb al-Rāwī fī Syarḥ Taqrīb al-Nawawīy*, Cct. 1, Beirut: Dār Ibn al-Jawzī, hlm. 655.

⁴ *Ibid.*, hlm. 655-656

⁵ Ṣalāḥ al-Dīn bin Aḥmad al-Idlibiy (2013), *Manhaj Naqd al-Matn ‘ind ‘Ulamā’ al-Ḥadīth al-Nabawīy*, Cct. 1, al-Qāhirah : Muassasah Iqra’ al-Khayriyyah, hlm. 89.

Justeru, terdapat percanggahan ketara antara dua pandangan yang membenarkan dan melarang *al-riwāyah bi al-ma'nā* terhadap ḥadīth, namun ḥadīth-ḥadīth yang disusun dalam karya-karya utama didapati sebahagian besarnya telah melalui kaedah *al-riwāyah bi al-ma'nā*. Ini menunjukkan bahawa ḥadīth tetap melalui proses *al-riwāyah bi al-lafz* dan *al-riwāyah bi al-ma'nā* dalam masa yang sama.

1.2. Permasalahan Kajian

Al-riwāyah bi al-ma'nā secara meluas telah mendorong kepada berlakunya keraguan dalam lafaz yang digunakan kerana dikhuatiri tidak menepati makna sebenar yang dimaksudkan. Keraguan lebih mudah terjadi dalam kalangan perawi yang lebih cenderung dengan *al-riwāyah bi al-ma'nā* berbanding perawi yang konsisten dengan *al-riwāyah bi al-lafz*.⁶

Kepelbagaian lafaz dan struktur gaya bahasa yang digunakan oleh perawi bagi menyampaikan makna sesuatu ḥadīth berkemungkinan terdedah kepada penambahan dan pengurangan daripada lafaz asal yang dituturkan oleh Rasulullah SAW. Jika ditelusuri kesemua jalur periwayatan sesuatu ḥadīth yang dilafazkan oleh Rasulullah SAW dan diriwayatkan pula secara maknanya, terlalu sukar untuk dipastikan lafaz asal yang dituturkan oleh baginda sekiranya sesuatu ḥadīth itu berada pada martabat yang sama.

Bagi menjelaskan situasi tersebut, satu peristiwa seorang arab badwi yang telah kencing di dalam masjid nabawi boleh dijadikan contoh kepelbagaian lafaz yang

⁶ *Ibid.*

digunakan oleh perawi ketika meriwayatkannya secara *al-riwāyah bi ma'nā*⁷. Terdapat 15 riwayat dengan pelbagai lafaz yang cuba menjelaskan maknanya dapat dinukilkan daripada al-Kutub al-Sittah melalui ḥadīth yang diriwayatkan melalui perantaraan tiga orang perawi kalangan Sahabat iaitu Abū Hurayrah, Anas bin Mālik dan Wāthilah bin al-Asqa' iaitu seperti berikut:

1. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*: Daripada Anas bin Mālik:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّ أَعْرَابِيًّا، بَالَ فِي الْمَسْجِدِ، فَقَامُوا إِلَيْهِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "لَا تُزْرِمُوهُ". ثُمَّ دَعَا بِدَلْوٍ مِنْ مَاءٍ فَصَبَّ عَلَيْهِ.⁸

Maksudnya: Seorang lelaki badwi telah kencing di dalam masjid, lantas orang ramai menyerbu kepadanya (untuk memukulnya). Lalu Rasulullah SAW bersabda: "Janganlah kamu mengganggu dia (yang sedang kencing)". Kemudian baginda meminta sebaldi air dan menuangkan ke atas tempat kencing itu.

2. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*: Daripada Abū Hurayrah:

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ، أَخْبَرَهُ أَنَّ أَعْرَابِيًّا بَالَ فِي الْمَسْجِدِ، فَتَنَارَ إِلَيْهِ النَّاسُ لِيَقَعُوا بِهِ فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "دَعُوهُ، وَأَهْرِيقُوا عَلَى بَوْلِهِ دَنُوبًا مِنْ مَاءٍ -أَوْ سَجَلًا مِنْ مَاءٍ- فَإِنَّمَا بُعِثْتُمْ مُبَسِّرِينَ، وَلَمْ تُبْعَثُوا مُعَسِّرِينَ".⁹

Maksudnya: Seorang lelaki badwi telah kencing di dalam masjid, lalu orang ramai bergegas untuk memukulnya. Lalu Rasulullah SAW memerintahkan mereka untuk meninggalkannya dan menuangkan sebaldi atau segelas air (penuh) ke atas tempat kencing tersebut. Rasulullah SAW kemudian bersabda, "Sesungguhnya engkau diutuskan untuk memudahkan dan tidak diutuskan untuk menyusahkan."

⁷ Musfir Ghurm Allāh al-Dumīnī (1984), *Maqāyīs Naqd Mutūn al-Sunnah*, Cet. 1, Riyād. hlm. 19

⁸ Ibn Hajar al-ʿAsqalānī, Aḥmad bin ʿAlī bin Muḥammad bin Aḥmad bin Hajar (1992), *Fatḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, Bāb al-Rifq fī al-Amr Kullih*, jld. 16, ḥadīth no. 6025, Cet. 1. al-Qāhirah : Dār al-Ghad al-ʿArabī, hlm. 325.

⁹ *Ibid.*, *Kitāb al-Adab, Bāb Qawl al-Nabīy Yassirū wa Lā Tuʿassirū*, jld. 16, ḥadīth no. 6128, hlm. 416.

3. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*: Daripada Abū Hurayrah:

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَامَ أَعْرَابِيٌّ فَبَالَ فِي الْمَسْجِدِ فَتَنَاوَلَهُ النَّاسُ، فَقَالَ لَهُمُ النَّبِيُّ ﷺ: "دَعُوهُ وَهَرِّقُوا عَلَى بَوْلِهِ سَجْلًا مِنْ مَاءٍ -أَوْ ذَنْبًا مِنْ مَاءٍ- فَإِنَّمَا بُعِثْتُمْ مُبَسِّرِينَ، وَلَمْ تُبْعَثُوا مُعَسِّرِينَ".¹⁰

Maksudnya: Seorang badwi berdiri dan telah kencing di dalam masjid. Lalu orang ramai menangkapnya tetapi Nabi SAW bersabda kepada mereka: "Biarkannya dan tuangkan sebaldi air ke atas tempat dia kencing atau segelas air. Nabi SAW kemudian bersabda, engkau diutus untuk memudahkan dan bukan untuk menyusahkan."

4. *Ṣaḥīḥ Muslim*: Daripada Anas bin Mālīk:

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ أَعْرَابِيًّا، بَالَ فِي الْمَسْجِدِ فَقَامَ إِلَيْهِ بَعْضُ الْقَوْمِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "دَعُوهُ وَلَا تَزْرُمُوهُ". قَالَ: فَلَمَّا فَرَغَ دَعَا بِدَلْوٍ مِنْ مَاءٍ فَصَبَّهُ عَلَيْهِ.¹¹

Maksudnya: Seorang badwi kencing di dalam masjid. Beberapa orang berdiri (untuk menegurnya atau menghalangnya daripada berbuat demikian), tetapi Rasulullah SAW bersabda: "Biarkan dia, jangan ganggu dia." Dia (perawi) berkata: "Setelah dia selesai, dia meminta sebaldi air dan menuangkannya."

5. *Ṣaḥīḥ Muslim*: Daripada Anas bin Mālīk:

أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ، يَذْكُرُ أَنَّ أَعْرَابِيًّا، قَامَ إِلَى نَاحِيَةِ فِي الْمَسْجِدِ فَبَالَ فِيهَا فَصَاحَ بِهِ النَّاسُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "دَعُوهُ". فَلَمَّا فَرَغَ أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِذَنْبٍ فَصَبَّ عَلَى بَوْلِهِ.¹²

Maksudnya: Bahawa seorang badwi berdiri di sudut masjid dan kencing di situ. Orang ramai berteriak, tetapi Rasulullah SAW bersabda: "Tinggalkan dia bersendirian." Apabila dia telah selesai, Rasulullah SAW memerintahkan supaya membawa sebaldi air dan dituangkan ke atasnya.

¹⁰ *Ibid.*, *Kitāb al-Wuḍū'*, *Bāb Ṣab al-Mā'* 'alā al-Bawl fī al-Masjid', jld. 1, ḥadīth no. 220, hlm. 538.

¹¹ Al-Nawawiy, Muḥyi al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Syaraf (2001), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawiy, Kitāb al-Ṭahārah, Bāb Wujūb Ghasl al-Bawl wa Ghayriḥ Min al-Najāsāt Izā Ḥaṣulat fī al-Masjid Wa Anna al-Arḍa Taṭṭhur bi al-Mā' min Ghayr Ḥajāṭ Ilā Ḥafriḥa*, jld. 3, ḥadīth no. 284(i), Cct. 1, Qāhirah : Muassasah al-Mukhtār, hlm. 194.

¹² *Ibid.*, ḥadīth no. 284(ii), hlm. 194.

6. *Ṣaḥīḥ Muslim*: Daripada Anas bin Mālik:

حَدَّثَنِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ، -وَهُوَ عَمُّ إِسْحَاقَ - قَالَ بَيْنَمَا نَحْنُ فِي الْمَسْجِدِ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ إِذْ جَاءَ أَعْرَابِيٌّ فَقَامَ يَبُولُ فِي الْمَسْجِدِ فَقَالَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ: مَهْ مَهْ. قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "لَا تُزِرْمُوهُ دَعْوُهُ". فَتَرَكُوهُ حَتَّى بَالَ. ثُمَّ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ دَعَاهُ فَقَالَ لَهُ: "إِنَّ هَذِهِ الْمَسَاجِدَ لَا تَصْلُحُ لِشَيْءٍ مِنْ هَذَا الْبَوْلِ وَلَا الْقَذَرِ إِنَّمَا هِيَ لِذِكْرِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَالصَّلَاةِ وَقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ". أَوْ كَمَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ. قَالَ: فَأَمَرَ رَجُلًا مِنَ الْقَوْمِ فَجَاءَ بِدَلْوٍ مِنْ مَاءٍ فَشَنَّهُ عَلَيْهِ.¹³

Maksudnya: Ketika kami berada di masjid bersama Rasulullah SAW, datang seorang badwi dan berdiri lalu kencing di dalam masjid. Para Sahabat Rasulullah SAW berkata: Berhenti, berhenti, tetapi Rasulullah SAW bersabda: "Jangan mengganggunya, tinggalkan dia bersendirian." Mereka meninggalkannya sendirian, dan apabila dia selesai buang air kecil, Rasulullah SAW memanggilnya dan bersabda kepadanya: "Masjid-masjid ini bukanlah tempat untuk kencing dan kotoran, tetapi hanya untuk berzikir kepada Allah, solat dan membaca Al-Quran" atau Rasulullah SAW berkata seperti itu. Dia (perawi) berkata bahawa dia (Nabi) kemudian memberi perintah kepada salah seorang membawa sebaldi air dan menuangkannya.

7. *Sunan Abī Dāwūd*: Daripada Abū Hurayrah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ أَعْرَابِيًّا، دَخَلَ الْمَسْجِدَ وَرَسُولُ اللَّهِ ﷺ جَالِسٌ فَصَلَّى - قَالَ ابْنُ عَبْدَةَ - رَكَعَتَيْنِ ثُمَّ قَالَ: اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي وَمُحَمَّدًا وَلَا تَرْحَمْ مَعَنَا أَحَدًا. فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: "لَقَدْ تَحَجَّرْتَ وَاسِعًا". ثُمَّ لَمْ يَلْبَثْ أَنْ بَالَ فِي نَاحِيَةِ الْمَسْجِدِ فَأَسْرَعَ النَّاسُ إِلَيْهِ فَتَهَاكُمُ النَّبِيُّ ﷺ وَقَالَ: "إِنَّمَا بُعِثْتُكُمْ مُبَسِّرِينَ وَلَمْ تُبْعَثُوا مُعَسِّرِينَ صُبُّوا عَلَيْهِ سَجْلًا مِنْ مَاءٍ". أَوْ قَالَ "ذَنُوبًا مِنْ مَاءٍ".¹⁴

Maksudnya: Seorang badwi masuk ke dalam masjid ketika Rasulullah SAW sedang duduk. Dia solat dua rakaat, menurut Ibn 'Abdah. Dia kemudian berkata: "Ya Allah, kasihanilah aku dan Muhammad dan janganlah engkau belas kasihan kepada sesiapa pun bersama kami." Rasulullah SAW bersabda: "Kamu telah menyempitkan (sesuatu) yang lebih luas." Tidak lama kemudian

¹³ *Ibid.*, ḥadīth no. 285 hlm. 194.

¹⁴ Abū Dāwūd al-Sajistānī, Sulaymān bin al-Asy'ath (1417 H), *Sunan Abī Dāwūd, Kitāb al-Ṭahārah, Bāb al-Arḍ Yuṣṭubuhā al-Bawl*, jld. 1, ḥadīth no. 380, Cet. 1, Riyāḍ : Maktabaṭ al-Ma'ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī', hlm. 72.

dia melewati sudut masjid lalu kencing di situ. Orang ramai meluru ke arahnya namun Rasulullah SAW menghalang mereka dan berkata: “Engkau diutus untuk memudahkan dan bukan untuk menyusahkan. Tuangkan sebaldi air ke atasnya atau sebekas air.”

8. *Sunan al-Tirmidhī*: Daripada Abū Hurayrah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: دَخَلَ أَعْرَابِيٌّ الْمَسْجِدَ وَالنَّبِيُّ ﷺ جَالِسٌ فَصَلَّى فَلَمَّا فَرَغَ قَالَ اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي وَمُحَمَّدًا وَلَا تَرْحَمْ مَعَنَا أَحَدًا. فَالْتَفَتَ إِلَيْهِ النَّبِيُّ ﷺ فَقَالَ "لَقَدْ تَحَجَّزْتَ وَإِسْعًا". فَلَمْ يَلْبَثْ أَنْ بَالَ فِي الْمَسْجِدِ فَأَسْرَعَ إِلَيْهِ النَّاسُ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: "أَهْرِيقُوا عَلَيْهِ سَجَلًا مِنْ مَاءٍ أَوْ دَلْوًا مِنْ مَاءٍ". ثُمَّ قَالَ "إِنَّمَا بُعِثْتُمْ مُبَسِّرِينَ وَلَمْ تُبْعَثُوا مُعَسِّرِينَ".¹⁵

Maksudnya: “Seorang Badwi masuk ke dalam masjid ketika Nabi SAW sedang duduk. Lalu dia solat kemudian apabila selesai, dia berkata: “Ya Allah! Berilah rahmat kepadaku dan Muhammad, dan jangan belas kasihan kepada sesiapa pun bersama kami.” Nabi SAW berpaling ke arahnya dan berkata: “Engkau telah menghalang sesuatu yang luas.” Tidak lama kemudian dia kencing di dalam masjid. Maka orang ramai pun bergegas ke arahnya. Tetapi Nabi bersabda: “Tuangkan ke atasnya dengan sebaldi air - atau - segelas air.” Kemudian banginda bersabda: “Engkau diutus untuk memudahkan (bagi manusia); engkau tidak diutus untuk menyusahkan mereka.”

9. *Sunan al-Nasā'ī*: Daripada Anas bin Mālīk:

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ أَعْرَابِيًّا، بَالَ فِي الْمَسْجِدِ فَقَامَ إِلَيْهِ بَعْضُ الْقَوْمِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "دَعُوهُ لَا تُزْرِمُوهُ". فَلَمَّا فَرَغَ دَعَا بِدَلْوٍ فَصَبَّهُ عَلَيْهِ.¹⁶

Maksudnya: Seorang badwi yang kencing di dalam masjid, lantas beberapa orang mengikutinya, tetapi Rasulullah SAW bersabda: “Tinggalkan dia dan jangan halang dia.” Apabila dia telah selesai banginda meminta sebaldi air dan menuangkannya di atas tempat kencing itu.

¹⁵ Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā bin Sawraṭ (1417 H), *Sunan al-Tirmidhī, Kitāb al-Ṭahārat, Bāb Mā Jā’a fī al-Bawl Yuṣīb al-Ard*, jld. 1, ḥadīth no. 147, Cet. 1, Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī’, hlm. 47.

¹⁶ Al-Nasā’ī, Abū ‘Abd al-Raḥmān Aḥmad bin Syu’ayb bin ‘Alī (1417 H), *Sunan al-Nasā’ī, Kitāb al-Ṭahārat, Bāb Tark al-Tawqīt fī al-Mā’*, jld. 1, ḥadīth No. 53, Cet. 1, Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī’, hlm. 17.

10. *Sunan al-Nasā'ī*: Daripada Anas bin Mālīk:

عَنْ أَنَسٍ، قَالَ: بَالَ أَعْرَابِيٌّ فِي الْمَسْجِدِ فَأَمَرَ النَّبِيُّ ﷺ بِدَلْوٍ مِنْ
مَاءٍ فَصَبَّ عَلَيْهِ.¹⁷

Maksudnya: Seorang badwi kencing di dalam masjid, dan Rasulullah SAW memerintahkan supaya membawa sebaldi air dan dituangkan ke atasnya (tempat kencing).

11. *Sunan al-Nasā'ī*: Daripada Anas bin Mālīk:

قَالَ: سَمِعْتُ أَنَسًا، يَقُولُ: جَاءَ أَعْرَابِيٌّ إِلَى الْمَسْجِدِ فَبَالَ فَصَاحَ
بِهِ النَّاسُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ "اتْرُكُوهُ". فَتَرَكَوْهُ حَتَّى بَالَ ثُمَّ أَمَرَ
بِدَلْوٍ فَصَبَّ عَلَيْهِ.¹⁸

Maksudnya: Seorang badwi datang ke masjid dan kencing di dalamnya, lalu orang ramai menjerit kepadanya, tetapi Rasulullah SAW bersabda: "Biarkanlah dia." Lalu mereka meninggalkannya. Apabila dia telah selesai kencing, baginda memerintahkan supaya (dibawa) sebaldi air dan dituangkan ke atasnya.

12. *Sunan al-Nasā'ī*: Daripada Abū Hurayrah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَامَ أَعْرَابِيٌّ فَبَالَ فِي الْمَسْجِدِ فَتَنَاولَهُ النَّاسُ
فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ "دَعُوهُ وَأَهْرِيقُوا عَلَى بَوْلِهِ دَلْوًا مِنْ مَاءٍ
فَإِنَّمَا بُعِثْتُمْ مُيسِّرِينَ وَلَمْ تُبْعَثُوا مُعَسِّرِينَ".¹⁹

Maksudnya: Seorang badwi berdiri dan kencing di dalam masjid, lalu orang ramai mula berteriak. Rasulullah SAW bersabda kepada mereka: "Biarkan dia, dan tumpahkan sebaldi air ke atas air kencingnya, bahawasanya kamu diutus untuk membuat perkara mudah bagi manusia, dan kamu tidak diutus untuk menyusahkan mereka."

¹⁷ *Ibid.*, ḥadīth no. 54

¹⁸ *Ibid.*, ḥadīth no. 55

¹⁹ *Ibid.*, ḥadīth no. 56

13. *Sunan Ibn Mājah*: Daripada Anas bin Mālīk:

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ أَعْرَابِيًّا، بَالَ فِي الْمَسْجِدِ، فَوَتَبَ إِلَيْهِ بَعْضُ الْقَوْمِ،
فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "لَا تُزْرِمُوهُ". ثُمَّ دَعَا بِدَلْوٍ مِنْ مَاءٍ فَصَبَّ
عَلَيْهِ.²⁰

Maksudnya: Seorang badwi kencing di dalam masjid, dan beberapa orang bergegas ke arahnya. Rasulullah SAW bersabda: "Janganlah kamu mengganggunya." Kemudian baginda meminta sebaldu air dan menuangkannya ke atas tempat kencing.

14. *Sunan Ibn Mājah*: Daripada Abū Hurayrah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: دَخَلَ أَعْرَابِيٌّ الْمَسْجِدَ وَرَسُولُ اللَّهِ ﷺ جَالِسٌ
فَقَالَ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَلِمُحَمَّدٍ وَلَا تَغْفِرْ لِأَحَدٍ مَعَنَا. فَضَحِكَ رَسُولُ
اللَّهِ ﷺ وَقَالَ: "لَقَدْ اخْتَطَرْتَ وَاسِعًا". ثُمَّ وَلَّى حَتَّى إِذَا كَانَ فِي
نَاحِيَةِ الْمَسْجِدِ فَشَجَّ يَبُولُ. فَقَالَ الْأَعْرَابِيُّ -بَعْدَ أَنْ فَقَهُ-: فَقَامَ
إِلَى -بَابِي وَأُمِّي ﷺ - فَلَمْ يُؤْتَبْ وَلَمْ يَسْبَبْ. فَقَالَ: "إِنَّ هَذَا الْمَسْجِدَ
لَا يُبَالُ فِيهِ وَإِنَّمَا بُنِيَ لِذِكْرِ اللَّهِ وَلِلصَّلَاةِ". ثُمَّ أَمَرَ بِسَجَلٍ مِنْ
مَاءٍ، فَأَفْرَغَ عَلَى بَوْلِهِ.²¹

Maksudnya: Seorang badwi masuk ke dalam masjid ketika Rasulullah SAW sedang duduk, dan lelaki itu berkata: "Ya Allah, ampunilah aku dan Muhammad, dan janganlah engkau mengampuni sesiapa pun bersama kami." Rasulullah SAW tersenyum dan berkata: "Kamu telah meletakkan sekatan pada sesuatu yang luas." Kemudian lelaki badwi itu berpaling, pergi ke sudut masjid, membentangkan kakinya dan terus kecing. Setelah dia faham tindakan Rasulullah SAW, badwi itu berkata: "Baginda bangun dan datang kepadaku, demi ayah dan ibuku. Baginda tidak mencelaku dan tidak pula mencercaku lalu bersabda: "Masjid ini bukan untuk kencing, tetapi dibina untuk mengingati Allah dan solat." Kemudian baginda meminta bejana besar berisi air dan menuangkannya ke atas tempat kencing tersebut.

²⁰ Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī (1417 H), *Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Ṭahārat, Bāb al-Arḍ Yuṣībuhā al-Bawl Kayfa Tuḡṣil?*, jld. 1, ḥadīth no. 528, Cet. 1, Riyāḍ : Maktabat al-Ma‘ārif Li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, hlm. 105.

²¹ *Ibid.*, ḥadīth no. 529

15. *Sunan Ibn Mājah*: Daripada Wāthilah bin al-Asqa‘:

عَنْ وَائِلَةَ بْنِ الْأَسْقَعِ، قَالَ: جَاءَ أَعْرَابِيٌّ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: اللَّهُمَّ
ارْحَمْنِي وَمُحَمَّدًا وَلَا تُشْرِكْ فِي رَحْمَتِكَ إِنَّا أَحَدًا. فَقَالَ: "لَقَدْ
حَظَرْتُ وَاسِعًا وَيَحَكَ - أَوْ وَيَلُكَ". قَالَ: فَشَجَّ يَبُولُ فَقَالَ أَصْحَابُ
النَّبِيِّ ﷺ: "مَهْ". فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "دَعُوهُ". ثُمَّ دَعَا بِسَجْلٍ مِنْ
مَاءٍ فَصَبَّ عَلَيْهِ.²²

Maksudnya: Seorang badwi datang kepada Nabi SAW dan berkata: “Ya Allah, kasihanilah aku dan Muhammad, dan jangan izinkan orang lain mendapat rahmat-Mu.” Nabi SAW bersabda: “Kamu telah meletakkan sekatan pada sesuatu yang luas, tidak patut kamu” Kemudian badwi itu membentangkan kakinya dan kencing di dalam masjid, maka para Sahabat Nabi SAW berkata: “berhenti”, tetapi Rasulullah SAW bersabda: “Biarkanlah dia”, lalu baginda meminta bejana berisi air dan menuangkannya ke atas tempat air kencing tersebut.

Berdasarkan kepelbagaian lafaz di atas, jelas membuktikan bahawa Rasulullah SAW hanya menggunakan salah satu atau sebahagian sahaja daripada lafaz-lafaz tersebut dan bukannya baginda menuturkan kesemua lafaz berkenaan. Daripada keseluruhan riwayat di atas, hanya satu riwayat daripada al-Nasā‘ī melalui Suwayd bin Naṣr daripada Anas bin Mālīk yang menggunakan lafaz tunggal اَتْرُكُوهُ yang tidak digunakan dalam periwayatan yang lain. Manakala riwayat-riwayat yang lainnya hanya menggunakan salah satu atau kombinasi dua lafaz لَا تُزِمُوهُ dan دَعُوهُ secara didahulukan dan dikemudiankan di antara salah satu daripada kedua-duanya. Perbezaan di antara beberapa lafaz ini memberi isyarat bahawa ḥadīth al-Nasā‘ī melalui Suwayd bin Naṣr daripada Anas bin Mālīk yang menggunakan lafaz اَتْرُكُوهُ telah diriwayatkan secara makna yang turut memberi maksud larangan yang sama.

²² *Ibid.*, ḥadīth no. 530

Manakala tindakan Rasulullah SAW yang menyucikan tempat tersebut dengan air selepas itu turut diriwayatkan dengan lafaz yang berbeza-beza. Sebahagian perawi hanya memperihalkan sahaja tindakan itu dengan menisbakkannya kepada perlakuan baginda lalu diriwayatkan sebagai ḥadīth *fi'li*, manakala sebahagian yang lain menisbakkannya sebagai kata-kata baginda sendiri dan meriwayatkannya sebagai ḥadīth *qawli* seperti berikut:

- ثُمَّ دَعَا بِدَلْوٍ مِنْ مَاءٍ فَصَبَّ عَلَيْهِ²³
 وَأَهْرَيْقُوا عَلَى بَوْلِهِ ذُنُوبًا مِنْ مَاءٍ أَوْ سَجَلًا مِنْ مَاءٍ²⁴
 فَلَمَّا فَرَغَ دَعَا بِدَلْوٍ مِنْ مَاءٍ فَصَبَّهُ عَلَيْهِ²⁵
 فَلَمَّا فَرَغَ أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِذُنُوبٍ فَصَبَّ عَلَى بَوْلِهِ²⁶
 فَأَمَرَ رَجُلًا مِنَ الْقَوْمِ فَجَاءَ بِدَلْوٍ مِنْ مَاءٍ فَشَنَّهُ عَلَيْهِ²⁷
 صُبُّوا عَلَيْهِ سَجَلًا مِنْ مَاءٍ أَوْ قَالَ ذُنُوبًا مِنْ مَاءٍ²⁸
 أَهْرَيْقُوا عَلَيْهِ سَجَلًا مِنْ مَاءٍ أَوْ دَلُوءًا مِنْ مَاءٍ²⁹
 فَلَمَّا فَرَغَ دَعَا بِدَلْوٍ فَصَبَّهُ عَلَيْهِ³⁰
 فَأَمَرَ النَّبِيُّ ﷺ بِدَلْوٍ مِنْ مَاءٍ فَصَبَّ عَلَيْهِ³¹
 دَعَا وَأَهْرَيْقُوا عَلَى بَوْلِهِ دَلُوءًا مِنْ مَاءٍ³²
 ثُمَّ أَمَرَ بِدَلْوٍ فَصَبَّ عَلَيْهِ³³
 ثُمَّ أَمَرَ بِسَجَلٍ مِنْ مَاءٍ فَأُفْرِغَ عَلَى بَوْلِهِ³⁴
 ثُمَّ دَعَا بِسَجَلٍ مِنْ مَاءٍ فَصَبَّ عَلَيْهِ³⁵

²³ Riwayat al-Bukhārī daripada Anas bin Mālīk dan Ibn Mājah daripada Anas bin Mālīk

²⁴ Riwayat al-Bukhārī daripada Abū Hurayrah

²⁵ Riwayat Muslim melalui Qutaybah bin Sa'īd daripada Anas bin Mālīk

²⁶ Riwayat Muslim melalui Muḥammad bin al-Muthannā daripada Anas bin Mālīk

²⁷ Riwayat Muslim melalui Zuhayr bin Ḥarb daripada Anas bin Mālīk

²⁸ Riwayat Abū Dāwūd daripada Abū Hurayrah

²⁹ Riwayat al-Tirmidhī daripada Abū Hurayrah

³⁰ Riwayat al-Nasā'ī melalui Qutaybah, Ḥammād, Thābit daripada Anas bin Mālīk

³¹ Riwayat al-Nasā'ī melalui Qutaybah, 'Abīdah, Yaḥyā bin Sa'īd daripada Anas bin Mālīk

³² Riwayat al-Nasā'ī daripada Abū Hurayrah

³³ Riwayat al-Nasā'ī melalui Suwayd bin Naṣr, 'Abd Allah, Yaḥyā bin Sa'īd daripada Anas bin Mālīk

³⁴ Riwayat Ibn Mājah daripada Abū Hurayrah

³⁵ Riwayat Ibn Mājah daripada Wāthilah bin al-Asqa'

Sekiranya dibandingkan kesemua lafaz dan kaedah periwayatan terhadap tindakan baginda itu, dapat disimpulkan bahawa kepada beberapa keadaan iaitu:

Pertama: Rasulullah meminta air dan menyucikan tempat kencing tersebut dengan perbuatan baginda sendiri.

Kedua: Rasulullah menjelaskan cara untuk menyucikan tempat tersebut dengan kata-kata baginda sendiri.

Ketiga: Rasulullah meminta air dan menjelaskan cara menyucikan tempat tersebut dengan kata-kata dan disertakan dan perlakuan baginda sendiri.

Bertitik tolak daripada riwayat yang berbeza-beza ini, sekiranya ḥadīth itu melibatkan hukum yang khusus, para ulama akan turut berbeza pendapat dalam memahami kehendak sebenar maksud ḥadīth, yang berkemungkinan akan turut memberi kesan dalam menetapkan hukum kepada masalah tersebut. Oleh itu, kajian-kajian ḥadīth kontemporari berkaitan ḥadīth-ḥadīth *al-riwāyah bi al-ma'nā* atau melibatkan kritikan matan yang melibatkan hukum terutamanya perlu diberikan perhatian dan keutamaan dalam kalangan ilmuan dan ahli akademik yang berkecimpung dalam bidang ini.

Kepelbagaian lafaz yang digunakan ini membuka ruang kepada persoalan yang lebih luas iaitu, apakah lafaz sebenar yang disabdakan oleh Rasulullah SAW dan dikhuatiri adakah berlaku pengurangan dan pertambahan dalam ketulenan sabda tersebut. Manakala persoalan lain yang akan timbul adakah kepelbagaian makna yang digunakan oleh para perawi boleh menjejaskan kehendak sebenar sesuatu ḥadīth. Apa yang jelas, amat sukar untuk mengenalpasti keaslian sesuatu ḥadīth seperti yang

dilafazkan oleh Rasulullah SAW seandainya ḥadīth itu berada pada darjat yang sama tetapi berbeza pada lafaz dan kaedah menisbalkannya.

Maka kajian terhadap matan ḥadīth terutamanya berkaitan ḥadīth-ḥadīth *al-riwāyah bi al-ma'nā* masih relevan bagi meneroka ketulenan lafaz sebenar seperti yang dituturkan dan menjelaskan maksud ḥadīth agar tidak disalaherti tanpa mempertikaikan darjat sesuatu ḥadīth yang telah dihukum oleh para *nuqād* dan sarjana sebelumnya. Kajian ini dapat melengkapkan sumbangan sarjana terdahulu yang telah menilai dan menghukum ḥadīth-ḥadīth yang terdapat dalam karya-karya utama.

1.3. Objektif Kajian

Kajian ini bermatlamat untuk menyelesaikan tiga permasalahan utama iaitu yang berkisar tentang *al-riwāyah bi al-ma'nā*, dan kaedah penulisan ḥadīth-ḥadīth dalam *Kitāb al-Ṭahārah* dalam karya *al-Sunan al-Arba'ah* termasuk ketokohan pengarangnya. Di samping itu kajian ini juga menganalisis matan ḥadīth-ḥadīth *al-Ṭahārah* yang terpilih bagi menentukan ketepatan maksud ḥadīth tersebut walaupun sebahagian matannya melalui proses *al-riwāyah bi al-ma'nā*. Objektif kajian ini dapat dijelaskan seperti berikut:

1. Mengkaji konsep periwayatan ḥadīth khususnya yang berkaitan dengan *al-riwāyah bi al-ma'nā*.
2. Mengkaji karya *al-Sunan al-Arba'ah* dan metodologi penulisan ḥadīth-ḥadīth *al-Ṭahārah* yang berkaitan dengan *al-riwāyah bi al-ma'nā*.

3. Mengkaji dan membanding beza kepelbagaian lafaz yang digunakan oleh perawi terhadap matan ḥadīth-ḥadīth *al-Ṭahārah*.

1.4. Soalan Kajian

1. Apakah konsep periwayatan ḥadīth dan *al-riwāyah bi al-ma'nā*?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan *al-Sunan al-Arba'ah* dan metodologi penulisan ḥadīth-ḥadīth *al-Ṭahārah* secara *al-riwāyah bi al-ma'nā*?
3. Apakah lafaz-lafaz yang digunakan oleh perawi ḥadīth-ḥadīth *al-Ṭahārah* dalam karya *al-Sunan al-Arba'ah*?

1.5. Kajian Terdahulu

Pengkaji telah membuat carian dan tinjauan literatur di beberapa perpustakaan dan portal *Malaysian Theses Online* (MyTO) PERPUN³⁶ serta *Digital Library Online Public Access Catalog* (OPAC) Universiti Sains Malaysia,³⁷ Universiti Malaya,³⁸ Universiti Kebangsaan Malaysia,³⁹ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia⁴⁰ dan Universiti Sains Islam Malaysia.⁴¹ Berdasarkan carian tersebut, pengkaji belum menemui kajian terdahulu tentang *al-riwāyah bi al-ma'nā* dan kajian khusus terhadap matan ḥadīth dalam karya-karya utama bagi menentukan ketetapan maknanya walaupun terdapat beberapa perbezaan pada lafaz.

³⁶ Laman Sesawang Malaysian Thesis Online: <http://myto.upm.edu.my/find/>. Rujukan pada 31 Julai 2016.

³⁷ Laman Sesawang Universiti Sains Malaysia Library: <http://www.lib.usm.my/index.php>. Rujukan pada 2 Ogos 2016.

³⁸ Laman Sesawang Univerisiti Malaya Library: <http://www.diglib.um.edu.my/umtheses/sthash.Ei3diV5V.dpbs>. Rujukan pada 3 Ogos 2016

³⁹ Laman Sesawang Tun Sri Lanang Library UKM: <http://www.ukm.my/ptsl/>. Rujukan pada 3 Ogos 2016.

⁴⁰ Laman Sesawang Dar al-Hikmah Library International Islamic University Malaysia: <https://division.iiu.edu.my/lib/>. Rujukan pada 31 Mei 2023.

⁴¹ Laman Sesawang Library Of Universityi Sains Islam Malaysia: <http://lib.usim.edu.my/e-resources/academic-libraries-opac>. Rujukan pada 3 Ogos 2016.

Pengkaji juga turut membuat carian di beberapa portal perpustakaan digital universiti-universiti utama luar negara bagi mengenalpasti kajian terdahulu yang pernah dilaksanakan tentang tajuk yang dicadangkan. Antara portal perpustakaan digital yang telah disemak bagi tujuan tersebut ialah perpustakaan Universiti Kaherah,⁴² Universiti al-Azhar,⁴³ Universiti Jordan,⁴⁴ Universiti King Faişal⁴⁵ dan Universiti Umm al-Qurā.⁴⁶ Namun, pengkaji belum menemui kajian ilmiah yang dihasilkan berkaitan tajuk kajian yang dicadangkan.

Walau bagaimanapun, carian pengkaji terhadap tajuk kajian ini telah berhasil menemui beberapa tesis ijazah sarjana, tulisan ilmiah lain dan artikel yang ditulis tentang *al-riwāyah bi al-ma'nā* yang masih mempunyai kaitan dengan tajuk kajian yang dicadangkan oleh pengkaji iaitu seperti berikut:

1.5.1. Noriza binti Che Mengat, *Al-Riwāyah bi al-Ma'nā dan Kesannya Terhadap Pemahaman Matan Ḥadīth*.⁴⁷

Kajian ini merupakan Disertasi Sarjana Sastera (Ḥadīth) Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM tahun 2013 dan boleh didapati di Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM Pulau Pinang.

⁴² Laman Sesawang Universiti Kaherah: <http://cu.edu.eg/ar/theses>. Rujukan pada 5 Ogos 2016.

⁴³ Laman Sesawang Universiti al-Azhar Kaherah: http://www.azhar.edu.eg/sp/lib/a_thesis.htm. Rujukan pada 6 Ogos 2016

⁴⁴ Laman Sesawang The University of Jordan: <https://theses.ju.edu.jo/>. Rujukan pada 6 Ogos 2016.

⁴⁵ Laman Sesawang King Faisal University, Saudi Arabia: <https://www.kfu.edu.sa/ar/Deans/Library/Pages/ScientificLettersA.aspx>. Rujukan pada 7 Ogos 2016.

⁴⁶ Laman Sesawang Umm al-Qura University, Saudi Arabia: https://uqu.edu.sa/lib/digital_library/search. Rujukan pada 7 Ogos 2016.

⁴⁷ Noriza binti Che Mengat (2013), *Al-Riwāyah bi al-Ma'nā dan Kesannya Terhadap Pemahaman Matan Ḥadīth*.

Penulis telah membahaskan kajian ini kepada tiga aspek utama iaitu pertama; Pengenalan terhadap *al-riwāyah bi al-ma'nā*, kedua; Keperluan memahami matan ḥadīth *al-riwāyah bi al-ma'nā*, dan ketiga; Kesan terhadap pemahaman matan ḥadīth *al-riwāyah bi al-ma'nā*. Berdasarkan kajian ini, penulis secara umum hanya mengemukakan beberapa ḥadīth yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* sebagai contoh ḥadīth *al-riwāyah bi al-ma'nā* dengan memberikan kesimpulan kehendak sebenar terhadap kepelbagaian riwayat tersebut. Manakala penulis pada akhirnya membincangkan kesan terhadap perbezaan periwayatan tersebut dalam memahami matan sesuatu ḥadīth. Penulisan juga menyarankan supaya kajian dan analisis yang lebih meluas mengenai ilmu berkaitan matan ḥadīth dilakukan oleh para pengkaji bidang ḥadīth dan disebarluaskan kepada masyarakat.⁴⁸ Oleh itu, kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji berkaitan *al-riwāyah bi al-ma'nā* terhadap karya *al-Sunan al-Arba'ah* adalah bertepatan dengan saranan tersebut.

1.5.2. Aunur Rofiqoh, *Riwāyah al-Ḥadīth bi al-Ma'nā Dawābiṭuhā wa Atharuhā fi Ṣiḥḥah al-Matn: Dirāsah Taṭbīqiyyah min Kitāb al-Arba'in al-Nawawiyyah*.

Kajian ini merupakan tesis ijazah sarjana dari Fakulti Pengajian Tinggi Bahagian Tafsir dan Ḥadīth, Universiti al-Syarīf Hidayatullah al-Islāmiyyah, Jakarta Indonesia yang ditulis pada tahun 2017. Dalam bab 2 kajian ini memfokuskan kepada hubungan di antara *al-riwāyah bi al-ma'nā* dengan kesahihan matan ḥadīth. Bab ini juga membincangkan konsep *al-riwāyah bi al-ma'nā*, al-ḍabt dan kesannya terhadap periwayatan ḥadīth dengan lafaz dan makna, seterusnya kaedah periwayatan ḥadīth sebelum fasa pengumpulannya dan kriteria kritikan terhadap matan ḥadīth *al-riwāyah bi al-ma'nā*.

⁴⁸ *Ibid.*, hlm. 113

Manakala dalam bab 3, penulis memfokuskan kepada latar diri al-Imām al-Nawawiy dan hukum *al-riwāyah bi al-ma‘nā*. Berdasarkan penelitian pengkaji, penulisan di atas tidak membincangkan bentuk-bentuk *al-riwāyah bi al-ma‘nā* secara spesifik seperti yang dilakukan oleh pengkaji semasa membincangkan konsep *al-riwāyah bi al-ma‘nā*. Seterusnya dalam bab 4, penulis membincangkan ḥadīth-ḥadīth dalam kitab *al-Arba‘īn al-Nawawīyyah* dengan cara mentakhrij ḥadīth dan membandingkannya dengan riwayat lain dan menghukum setiap perawi dalam sanad ḥadīth.

Setelah diteliti, kajian di atas membincangkan karya *al-Arba‘īn al-Nawawīyyah* dan membandingkannya dengan riwayat yang lain. Penulis lebih menjurus kepada mengkritik perawi ḥadīth-ḥadīth yang dikaji. Oleh itu, kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji masih terdapat perbezaan kerana skop ḥadīth dan karya yang dikaji adalah berbeza.

1.5.3. ‘Abd al-‘Azīz Aḥmad al-Jāsim, *Ḥukm Riwāyah al-Ḥadīth al-Nabawī bi al-Ma‘nā*.⁴⁹

Penulisan ini merupakan kajian ilmiah yang telah dilaksanakan oleh pensyarah Fakulti Syariah dan Pengajian Islam Universiti Kuwait yang telah diterbitkan dalam Majalah Pusat Kajian Sirah dan Sunnah Universiti Qaṭar bilangan 10 tahun 2001.⁵⁰

⁴⁹ ‘Abd al-‘Azīz Aḥmad al-Jāsim (2001), *Ḥukm Riwayah al-Ḥadīth al-Nabawī bi al-Ma‘na*, : Majallah Markāz Buḥūth al-Sīrah wa al-Sunnah, Jāmiyah Qaṭar.

⁵⁰ Laman Sesawang Qaṭar University: <http://qspace.qu.edu.qa/handle/10576/1153>. Rujukan pada 3 Ogos 2016.

Dalam kajian ini, penulis telah membahagikan kajiannya kepada empat bab utama iaitu pertama; periwayatan ḥadīth dengan lafaznya, kedua; periwayatan ḥadīth dengan maknanya, ketiga; pengurangan dalam ḥadīth, dan keempat; penambahan dalam ḥadīth. Penulis juga hanya menghuraikan teori-teori seperti yang dinyatakan di atas tanpa mengemukakan ḥadīth-ḥadīth yang dikaji berkenaan periwayatannya dengan makna. Oleh itu, kajian ini masih boleh ditambahbaik dengan memfokuskan kajian terhadap matan ḥadīth untuk menentukan bentuk periwayatannya.

1.5.4. ‘Abd al-Razzāq bin Khalīfah al-Syayjī, al-Sayyid Muḥammad al-Sayyid

Nūḥ, *Manāḥij al-Muḥaddithīn fī Riwāyah al-Ḥadīth bi al-Ma‘nā*.⁵¹

Penulisan di atas merupakan kajian ilmiah yang dihasilkan oleh dua orang pensyarah Fakulti Syariah Universiti Kuwait dan telah diterbitkan dalam Majallah al-Syāriah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah Universiti Kuwait, jilid 13 bilangan 33 tahun 1998. Kajian ini juga telah dibukukan dan diterbitkan oleh Dār Ibn Ḥazm, Beirut pada 1998.

Melalui kajian ini, penulis telah membahaskan kajian mereka kepada pendahuluan dan tiga fasal utama. Dalam pendahuluan, penulis telah membincangkan tentang sejarah periwayatan dengan makna, definisi dan sebab perbezaan perawi. Manakala pada fasal kedua dan ketiga penulis membahaskan padangan golongan yang membenarkan dan melarang periwayatan dengan makna dengan dikemukakan dalil-dalil yang menyokong hujah setiap golongan. Seterusnya penulis mengakhiri kajian ini dengan mengemukakan pandangan yang rājiḥ dan hasil kajian mereka.

⁵¹ ‘Abd al-Razzāq bin Khalīfah al-Syayjī, al-Sayyid Muḥammad al-Sayyid Nūḥ, (1998) *Manāḥij al-Muḥaddithīn fī Riwāyah al-Ḥadīth bi al-Ma‘nā*: Dār Ibn Ḥazm, Beirut.

Berdasarkan kajian tersebut, penulis hanya memfokuskan kepada dalil-dalil yang menyokong dan melarang dan hanya mengemukakan dua matan ḥadīth bagi menyokong kajian mereka. Oleh yang demikian, kajian di atas akan lebih lengkap dan sempurna dengan disertakan matan ḥadīth bagi membuktikan periwayatannya juga berlaku secara *al-riwāyah bi al-ma'nā* seperti yang akan dilakukan oleh pengkaji.

1.5.5. Ghassān Ismā'īl Abū al-Ḥārith, *al-Riwāyah bi al-Ma'nā wa Ḍawābiṭuhā wa Athru Dhālika fī al-Ḥukm al-Syar'ī*.⁵²

Penulisan ini adalah artikel ilmiah yang dimuatkan dalam laman sesawang Multaqa Ahl al-Ḥadīth⁵³ dan disiarkan pada tahun 2010.

Penulis telah menghuraikan kajian ini kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama dimulakan dengan perbincangan pandangan sarjana ḥadīth periwayatan ḥadīth dengan makna. Seterusnya pada bahagian kedua kajian ini memfokuskan kepada kesan meriwayatkan ḥadīth secara maknanya terhadap hukum syara'. Manakala pada bahagian terakhir penulis membincangkan tentang persoalan-persoalan yang berkaitan periwayatan ḥadīth dengan maknanya.

Dalam kajian ini, penulis lebih membincangkan pandangan sarjana ḥadīth terhadap hukum meriwayatkan ḥadīth dengan maknanya dan kesannya terhadap hukum. Tetapi kajian ini tidak membincangkan matan ḥadīth secara langsung untuk menentukan bentuk sebenar periwayatannya. Maka kajian ini masih boleh dibuat

⁵² Ghassān Ismā'īl Abū al-Ḥārith (2010), *al-Riwāyah bi al-Ma'nā wa Ḍawābiṭuhā wa Athru Dhālika fī al-Ḥukm al-Syar'ī*: Multaqa Ahl al-Ḥadīth.

⁵³ Laman Sesawang Multaqa Ahl al-Ḥadīth: <http://www.ahlalhdecth.com/vb/showthread.php?t=228618>. Rujukan pada 5 Ogos 2016.

penambahbaikan dengan mengemukakan matan ḥadīth tertentu untuk dikaji penggunaan makna dalam kaedah periwayatannya atau *al-riwāyah bi al-ma'nā* yang bakal dilakukan oleh pengkaji kelak.

1.6. Skop Kajian

Berpandukan kepada tajuk *Al-Riwayah bi al-Ma'nā: Kajian Terhadap Ḥadīth-Ḥadīth Ṭahārah* Dalam Karya *Al-Sunan Al-Arba'ah*, pengkaji berhasrat untuk mengkaji ḥadīth-ḥadīth tertentu yang dikelompokkan dalam *Kitāb al-Ṭahārah* yang terdapat dalam karya *Sunan Abī Dāwud*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah*. Abī Dāwud menyusun ḥadīth-ḥadīthnya dengan nama *Kitāb al-Ṭahārah*, manakala al-Tirmidhī menulisnya dengan nama *Kitāb al-Ṭahārah 'an Rasūl Allah SAW*. Al-Nasā'ī dalam Sunannya pula menyusun dengan nama *Kitāb al-Ṭahārah*, dan Ibn Mājah menulisnya dengan nama *Kitāb al-Ṭahārah wa Sunanihā*.

Pemilihan karya *Al-Sunan Al-Arba'ah* disebabkan penyusunan karya ini mengikut tertib fiqh yang melibatkan ḥadīth-ḥadīth hukum yang menjadi rujukan utama berbanding karya Sunan yang lain. Karya *al-Ṣaḥīḥayn* tidak termasuk dalam skop kajian ini memandangkan penerimaan ḥadīth-ḥadīthnya yang telah disepakati akan kesahihannya sekalipun yang melalui proses *al-riwāyah bi al-ma'nā*. Tetapi situasi yang berbeza berlaku pada karya *al-Sunan al-Arba'ah* kerana kandungan ḥadīthnya terdiri daripada pelbagai darjat dan ketokohan pengarangnya juga tidak dapat menandingi al-Syaykhān.

Pengkaji akan membataskan kajian ini dengan hanya memilih ḥadīth-ḥadīth yang mempunyai persamaan sahaja atau membincangkan perkara yang sama yang

diriwayatkan oleh keempat-empat imam dalam karya *al-Sunan al-Arba‘ah*. Oleh itu, ḥadīth-ḥadīth lain dalam *Kitāb al-Ṭahārah*, yang hanya diriwayatkan secara berseorangan atau berdua atau bertiga dalam kalangan mereka berempat tidak termasuk dalam batasan kajian ini kerana tujuan pengkaji ingin membandingkan semua riwayat mereka. Ḥadīth-ḥadīth lain yang mempunyai kaitan dengan perbincangan al-Ṭahārah, tetapi disusun oleh pengarang karya tersebut pada kitab atau bab selain daripada al-Ṭahārah juga tidak termasuk dalam batasan kajian ini. Begitu juga, ḥadīth yang sama dalam *Kitāb al-Ṭahārah* tetapi ditulis berulang kali pada kitab atau bab yang lain juga tidak termasuk dalam limitasi kajian ini.

Pengkaji akan menggunakan naskah *Sunan Abī Dāwud*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā‘ī* dan *Sunan Ibn Mājah* yang telah dihukumkan ḥadīth-ḥadīthnya oleh al-Imām Muḥammad Nāsir al-Dīn al-Albānī dan ditahqīq oleh Abū ‘Ubaydah Masyhūr bin Ḥasan ‘Alī Salmān, terbitan Maktabah al-Ma‘ārif Li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, Riyāḍ. Pemilihan ini disebabkan keempat-empat naskah ini telah ditahqīq oleh orang yang sama menggunakan metodologi yang sama akan memudahkan analisis dilakukan oleh pengkaji berbanding naskah yang lain. Pengkaji akan menganalisis 55 ḥadīth yang terdiri daripada tujuh topik atau tema yang berbeza yang terdapat dalam *Kitāb al-Ṭahārah*.

1.7. Kepentingan Kajian

Kajian tentang *Al-Riwāyah bi al-Ma‘nā*: Kajian Terhadap Ḥadīth-Ḥadīth *Ṭahārah* Dalam Karya *Al-Sunan Al-Arba‘ah*, mesti diketengahkan kerana beberapa aspek yang sangat penting kerana:

1. Kajian ini akan menjadi pelengkap dan penyelesaian kepada perbezaan lafaz sama ada pengurangan dan penambahan dalam matan ḥadīth yang pelbagai riwayat. Ini disebabkan semua riwayat itu sekiranya dihimpunkan dan dianalisis semula akan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain seterusnya mengukuhkan sesuatu ḥadīth.
2. Kajian tentang *al-riwāyah bi al-ma'nā* dalam karya *al-Sunan al-Arba'ah*, dengan membanding beza pelbagai riwayat dapat merumuskan konteks sebenar dan kehendak sesuatu ḥadīth walaupun dengan menggunakan lafaz yang berbeza.
3. Kedudukan karya *al-Sunan al-Arba'ah* yang menjadi sumber utama rujukan ḥadīth-ḥadīth hukum fiqh. Oleh itu, ḥadīth-ḥadīthnya memerlukan kajian yang berterusan dalam pelbagai aspek disiplin ilmu ḥadīth.
4. Kajian ini akan memberi sumbangan dalam bidang ilmu tentang *al-riwāyah bi al-ma'nā* disebabkan kajian terhadap ḥadīth-ḥadīth yang telah dianalisis dan bentuk-bentuk *al-riwāyah bi al-ma'nā* yang dapat dikenalpasti dalam ḥadīth tersebut memandangkan belum terdapat kajian atau penulisan yang dihasilkan seperti ini secara spesifik.

1.8. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen atau kajian teks ḥadīth. Kaedah ini tidak memerlukan pengukuran atau statistik yang khusus. Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri

yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen.⁵⁴ Menerusi penyelidikan kualitatif, pengkaji membuat pemerhatian secara langsung terhadap bahan kajian dan berusaha mendapat pemahaman yang mendalam mengenainya di samping menterjemah dan mentafsir kutipan data yang diperolehi.⁵⁵

Oleh itu, kajian ini akan meneroka, menyelidik, memahami, membanding beza, menilai menerangkan dan membuat kesimpulan secara kritis terhadap sumber utama yang menjadi rujukan kajian ini yang terdiri daripada buku, tesis, artikel, kajian ilmiah yang berkaitan tajuk kajian pada bab satu, bab dua dan bab 3. Selain itu juga, proses menganalisis dan membanding beza juga akan diaplikasikan pada bab empat yang memfokuskan kepada teks-teks ḥadīth al-Ṭahārah yang dikaji bagi mengenalpasti proses dan bentuk-bentuk *al-riwāyah bi al-ma'nā* yang diaplikasi oleh para perawi karya *al-Sunan al-Arba'ah*. Oleh yang demikian, berdasarkan kenyataan di atas serta permasalahan dan objektif kajian, dapatlah dirumuskan bahawa kajian ini berbentuk kualitatif. Aspek yang dikaji adalah teks-teks ḥadīth yang terdapat dalam kitab al-Ṭahārah karya *al-Sunan al-Arba'ah*.

Oleh kerana metodologi kajian adalah kaedah-kaedah atau teknik-teknik yang digunakan untuk melaksanakan sesuatu kajian, maka dua metode utama akan digunakan bagi melaksanakan kajian ini iaitu metode pengumpulan data dan metode penganalisisan data.

⁵⁴ Kamarul Azmi Jasmi (2012), *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

⁵⁵ Noraini Mohd. Salleh, Etika dan Penyelidikan Kualitatif, Marohaini Yusoff (pnyt.) *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004, Cet. ke-2, hlm. 2-3.

1.8.1. Metode Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan kajian kepustakaan kerana pengkaji memfokuskan kepada kajian yang berkaitan teks ḥadīth.

1.8.1.1. Kajian Kepustakaan

Untuk mengumpulkan data, kaedah utama yang akan digunakan ialah kajian kepustakaan dan kajian teks. Kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Langkah ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan dapat dilakukan bagi menyokong dapatan kajian.⁵⁶ Kaedah ini memerlukan pengkaji mengumpul data-data berkaitan kajian ini yang sumber rujukannya terdiri daripada buku-buku, jurnal, artikel, latihan ilmiah dan tesis. Bagi mendapatkan sumber utama kajian ini, maka pengkaji akan menggunakan kemudahan beberapa perpustakaan utama seperti perpustakaan Universiti Sains Malaysia, perpustakaan Universiti Malaya, perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia, perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan perpustakaan Jabatan Mufti Negeri Kedah.

Dalam proses mengumpulkan data berkaitan konsep *al-riwāyah bi al-ma'nā*, pengkaji mendapatkan semua data tentang periwayatan ḥadīth khususnya yang *al-*

⁵⁶ Mohd Shaffie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Edisi ke-2*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.